




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**02 November 2024
30 Rabiulakhir 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Udang Australia 'tawan' Ayer Hitam• Onar udang 'pendatang'• 'Terlalu banyak dalam parit sampai sudah jemu nak makan'• Penternak udang kara kesal sering dipersalahkan orang ramai
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Jangan tangkap, beli atau makan parrotfish
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		1-3	2-11-2024



JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL			2	2-11-2024

ONAR UDANG 'PENDATANG'

Kehadiran spesies udang kara air tawar asal Australia ancam ikan tempatan, ekosistem sungai

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Sedap dimakan, namun jika terlepas ke perairan umum, spesies 'pendatang' ini berisiko mengancam ekosistem dan kehidupan ikan air tawar tempatan di negara ini.

Meskipun ancamannya kini tidak serius berbanding ikan baung ekor merah atau ikan bandaraya (*suckermouth catfish*) namun ancaman udang kara air tawar *Red Claw* atau *Blue Crayfish* (*cherry quadricarinatus*) berasal dari Australia ini tetap perlu diberi perhatian.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan Kasim Tawo berkata, spesies berkenaan mempunyai ciri atau sifat pemakanan yang sama seperti ikan bandaraya dan dikategorikan sebagai omnivor.

"Udang ini awalnya dibawa masuk untuk diternak secara komersial oleh pengusaha kolam di seluruh negara.

"Kebiasaannya ada restoran tertentu menawarkan menu masakan udang kara air tawar ini. Bagaimanapun, udang ini sukar ditemui dijual secara terbuka di pasar.

"Pihak restoran akan menempah udang ini terus daripada pengisaha kolam pada harga sekitar RM40 ke RM55 sekilogram," katanya.

Kasim berkata, udang 'pendatang' ini bagaimanapun dikesan memasuki perairan umum mungkin disebabkan kejadian banjir di



KASIM menunjukkan udang kara dan spesies ikan yang dilarang import ke Malaysia.

kolam atau dilepaskan dalam jumlah yang kecil oleh penternak persendirian yang menjadikannya sebagai ikan hiasan di dalam akuarium.

Jelas beliau, pelepasan spesies ini ke dalam perairan awam boleh mengganggu keseimbangan ekosistem tempatan kerana ia boleh bersaing dengan spesies tempatan untuk makanan dan habitat menyebabkan perubahan dalam biodiversiti perairan terbahub.

"Udang ini adalah spesies invasif yang akan memakan telur ikan serta anak ikan

yang ada di perairan sesuatu tempat. Ia tidak makan ikan hidup yang bersaiz besar.

"Ia juga makan tumbuhan seperti rumpai yang mana memberi saingan kepada ikan tempatan. Ikan tempatan juga tidak makan udang ini kerana kulitnya yang sangat keras melainkan ikan pemangsa seperti toman.

"Apabila saingan sengit, anak dan telur ikan tempatan dimakan udang asing ini seterusnya menyebabkan ikan tempatan di sesuatu kawasan yang di-monopoli udang ini akan berkurangan," katanya.

Menurutnya, kehadiran udang kara air tawar dalam kuantiti yang ba-

nyak di perairan awam turut boleh menyebabkan kerosakan kepada tumbuhan air dan struktur ekosistem.

"Udang ini biasanya menggali lubang di dasar sungai atau tasik, yang boleh mengganggu struktur tanah dan menyebabkan hakisan.

"Aktiviti ini juga lama-kelamaan boleh memberi kesan negatif terhadap tumbuhan akuatik dan kehidupan air lain yang bergantung kepada habitat itu," katanya.

Bagaimanapun, be-

liau berkata, sehingga kini pihaknya belum menerima aduan mengenai kehadiran spesies berkenaan di mana-mana sungai di seluruh Negeri Sembilan.

"Inventori yang kami jalankan sebelum ini menerusi program memburu spesies pendatang juga tidak pernah menemui udang ini di Negeri Sembilan.

"Bagaimanapun, aduan

yang kami terima secara tidak rasmi menerusi media sosial mendakwa udang ini ditemui di tasik dekat Taman Tasik Seremban," katanya.

"Ia makan tumbuhan seperti rumpai dan memberi saingan kepada ikan tempatan"
Kasim

UDANG kara Red Claw boleh mengganggu keseimbangan ekosistem tempatan kerana ia boleh bersaing dengan spesies tempatan untuk makanan dan habitat.



UDANG kara air tawar adalah spesies invasif yang akan memakan telur ikan serta anak ikan yang ada di perairan sesuatu tempat.



JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	3	2-11-2024

'Terlalu banyak dalam parit sampai dah jemu nak makan'



Penduduk tidak perlu bersusah payah untuk beli udang kara ini pada harga mencecah RM100 (sekilogram) berikutan ia boleh tangkap di hadapan rumah. Udag ini semakin banyak di saliran parit di kawasan ladang"

Mohd Ilham

Kuala Lumpur: Dek lam-bakannya di sekitar kawasan Mukim Ayer Hitam, Muar, Johor, udang kara air tawar yang asalnya berharga mencecah sehingga RM100 sekilogram kini seolah tiada harga.

Penduduk di kawasan berkenaan dikatakan boleh menangkap udang kara air tawar berkenaan di dalam parit di hadapan rumah mereka sahaja-sehingga sudah jemu untuk memakannya lagi.

Saintis Masyarakat, Mohd Ilham Norhakim Lokman berkata, isu ancaman udang berkenaan agak unik berbanding spesies lain kerana ia boleh dijual di pasaran dan dimakan.

"Biasanya spesies invasif ini lebih menjurus kepada ikan sahaja. Seperti ikan bandaraya, ia mungkin tiada harga dan tidak dimakan oleh majoriti masyarakat di negara ini.

"Namun spesies udang ini, orang makan dan memang diernak secara komersial serta mempunyai harga yang agak tinggi di pasaran. Namun ia terlalu banyak di kawasan saliran di Ayer Hitam hingga tahap menakutkan," katanya ke-



MOHD Ilham



tika dihubungi Harian Metro.

Dia yang juga Penyelidik Pelawat enCORE Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memaklumkan boleh menangkap 30 ekor udang berkenaan dalam tempoh sejam menggunakan bubu.

"Bayangkan sebelum ini kawasan parit di hadapan rumah penduduk yang sebelum ini ada ikan asal seperti sepat, puyu dan haruan kini semakin berku-

rangan dan lokasi itu didominasi udang berkenaan.

"Penduduk tidak perlu bersusah payah untuk beli udang kara ini pada harga mencecah RM100 (sekilogram) berikutan ia boleh tangkap di hadapan rumah.

"Udag ini semakin banyak di saliran parit di kawasan ladang. Apa yang membimbangkan jika spesies udang 'pendatang' ini masuk ke kawasan Hutan Simpan Ayer Hitam Utara kerana difahamkan seekor udang betina boleh menghasilkan 100 ke 1,000 telur," katanya.

Dia yang aktif menyertai kajian dan program kesedaran bersama pakar daripada universiti tempatan berkata, komuniti di kawasan berkenaan mula menunjukkan minat dan sedar mengenai spesies udang 'pendatang' berkenaan.

"Selepas beberapa program yang kami anjurkan, masyarakat yang sebelum ini menganggap udang ini spesies tempatan mula tahu mengenai ancaman udang kara dan berniat untuk mencegahnya," katanya.

Penternak udang kara kesal sering dipersalahkan orang ramai

Seremban: Ramai akan menuding jari kepada penternak udang kara air tawar secara komersial setiap kali penemuan spesies itu di mana-mana perairan umum.

Hakikatnya, Timbalan Pengerusi Pertubuhan Perdagangan Udang Kara Air Tawar Malaysia (Mifta), Suhaidy Shuib berkata, sehingga kini belum ada bukti yang menunjukkan ia akibat kolera ternakan.

Menurutnya, setiap kali mesyuarat agung tahunan (AGM), pihaknya sering kali mengingatkan ahli yang terdiri daripada lebih 200 individu supaya mengikut prosedur standard operasi (SOP) yang ditetapkan Jabatan Perikanan (DOF).

"Sebelum udang kara ini dibenarkan untuk diernak secara komersial di negara ini, pihak persatuan berusaha keras untuk mendapatkan kebenaran daripada DOF ber-



Suhaidy

mula 2019 sebelum satu SOP khas dikeluarkan pada 2021.

"SOP berkenaan memang sudah sempurna dan kami selalu mengingatkan semua penternak supaya mengikut apa yang digariskan dari masa ke semasa supaya kelebihan yang diberikan pihak kerajaan tidak disalahguna."

Tambahnya lagi, ada pihak seperti pencinta alam sekitar menuding jari kepada penternak sekiranya berlaku pelepasan ikan di perairan umum, namun pihaknya mahu diberikan bukti.



SOP berkenaan memang sudah sempurna dan kami selalu mengingatkan semua penternak supaya mengikut apa yang digariskan dari masa ke semasa supaya kelebihan yang diberikan pihak kerajaan tidak disalahguna"

"Saya boleh panggil mana-mana pihak untuk memasang bubu di perairan awam berdekatan kolam saya dan lihat adakah wujud udang kara di dalam air berkenaan.

"Antara perkara yang dititikberatkan kepada penternak di dalam SOP yang digariskan, kami perlu mempunyai daya jejak laju

mengetahui setiap kilogram (kg) udang yang dipelihara pergi ke mana.

"Sebagai contoh kolam saya di Teluk Langat ditanda banjir pada 2021. Pada masa itu saya mempunyai 600kg udang dan selepas banjir surut, sebanyak 598kg didapati mati, maksudnya kami mempunyai rekod dan tiada udang yang terlepas," katanya.

Dia yang mempunyai kolam di Selangor dan Negeri Sembilan berkata, pihaknya kesal atas tuduhan daripada beberapa pihak.

"Penternakan udang ini dilihat menjanjikan pulangan lumayan dan Lembaga Perubuhan Peladang (LPP) sendiri sebelum ini menyertai golongan muda untuk berkecimpung dalam bidang ini.

"Pihak persatuan pastikan tiada yang melanggar SOP kerana natijahnya, kami sendiri yang menanggung jika udang tidak dibenarkan lagi diernak di negara ini, katanya.

TELAH dibersihkan udang betina.

ke-
benaran daripada DOF ber-

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	/	16	2.11.2024



Jangan tangkap, beli atau makan parrotfish

PETALING JAYA – Orang ramai diseru untuk menghentikan pembelian, penangkapan, dan pengambilan ikan ketarap (parrotfish).

Menurut Pertanian Satu Perniagaan dalam satu kantarang di Facebook, Parrotfish memiliki mulut yang khas, lengkap dengan gigi yang sesuai untuk memakan rumpai laut dan parasit yang tumbuh pada batu karang hidup.

"Rumpai laut adalah antara penyebab utama kematian batu karang kerana rumpai akan bersaing bersama zooxanthellae yang hidup di batu karang bagi mendapatkan cahaya matahari.

"Dan jika rumpai ini tidak dimakan oleh parrotfish, maka batu karang akan mati. Kematian batu karang akan merosakkan ekosistem karang dan lalu boleh mengakibatkan menjejaskan ekosistem laut," ujarnya.